

ALOR SETAR, 25 MAC (BERNAMA) -- KEJAYAAN DASAR EKONOMI BARU AKAN DAPAT MENGIKIS PERASAAN CURIGA MENCURIGAI DI KALANGAN RAKYAT BERRILANG KAUM DI NEGARA INI, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

IA JUGA AKAN MEMESATKAN LAGI PERKEMBANGAN EKONOMI SERTA MENJAMIN KESTABILAN POLITIK DI MALAYSIA, KATANYA KETIKA BERUCAP DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS BANGUNAN EMPAT TINGKAT UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI Jitra, 12 BATU DARI SINI.

KATANYA, PEMBANGUNAN NEGARA INI MULA PESAT SEJAK 10 TAHUN LALU APABILA KERAJAAN MENYUSUN SATU DASAR PERKEMBANGAN NEGARA YANG LEBIH ADIL DAN SAKSAMA IAITU DASAR EKONOMI BARU.

DIPAWAH DASAR EKONOMI BARU ITU, KERAJAAN MENUMPUKAN PERHATIAN YANG LEBIH KEPADA SEMUA KAUM SUPAYA MEREKA DAPAT MENIKMATI PEMBANGUNAN YANG LEBIH SEIMBANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA KETUA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU MENGAKUI MEMANGLAH DALAM USAHA UNTUK MEMPERSEIMBANGKAN KEDUDUKAN EKONOMI, KERAJAAN TERPAKSA MENOLONG MEREKA YANG KETINGGALAN LEBIH JAUH DARIPADA MEREKA YANG SUDAH MENCAPAI KEMAJUAN.

+SEPARA ITULAH PADA MASA INI KERAJAAN MENUMPUKAN PERHATIAN YANG LEBIH KEPADA GOLONGAN BUMIPUTERA TETAPI INI TIDAK BERARTI MEREKA GOLONGAN BUKAN BUMIPUTERA DIABAIKAN, + TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 1456/LK

MAHATHIR-DEB 2 ALOR SETAR

BELIAU MENAMBAH WALAUPUN KADANGKALA KERAJAAN MENGHADAPI TENTANGAN APABILA HENDAK MELAKSANAKAN DASAR-DASAR ITU, KEBANYAKAN DARIPADA RAKYAT NEGARA INI TIDAK FAHAM TENTANG PERLU NYA DASAR EKONOMI BARU ITU TIDAK TINGGAL SEBAGAI DASAR SAHAJA TETAPI HENDAKLAH DIAMALKAN SECARA SEBENAR.

TIMBALAN PERDANA MENTERI LALU MENYERU ORANG-ORANG YANG SUDAH MENCAPAI KEMAJUAN DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN SUPAYA MEMPIMBING MEREKA YANG MASIH KETINGGALAN DALAM BIDANG-BIDANG TERSEBUT.

KATANYA, MEMANG BENAR KERAJAAN DAPAT MEMBERI SEGALA BANTUAN DAN LATIHAN KEPADA KAUM BUMIPUTERA TETAP: BIMBINGAN DARIPADA MEREKA YANG SUDAH MAJU ADALAH LEBIH PENTING DARIPADA SEMATA-MATA MEMBERI BANTUAN DAN LATIHAN.

+MAKSUD SAYA IALAH GOLONGAN-GOLONGAN YANG SUDAH MAJU DALAM NEGARA INI, KHUSUSNYA AHLI-AHLI PERNIAGAAN YANG TERDIRI DARI ORANG-ORANG CINA HENDAKLAH MENOLONG KAUM BUMIPUTERA SUPAYA MEREKA DAPAT MENYERTAI BIDANG PERNIAGAAN DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI, + UJARNYA.

BELIAU BERKATA KAUM BUMIPUTERA HENDAKLAH MEMPELAJARI TEKTIK DAN CARA-CARA PENGURUSAN PERNIAGAAN DARIPADA ORANG-ORANG BUKAN BUMIPUTERA ATAU PUN MENUBUHKAN SYARIKAT PERNIAGAAN USAHASAMA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA. -- BERSAMBUNG 1456/LK

MAHATHIR-DEB 3 ALOR SETAR

+BAGAIMANAPUN, MEREKA HENDAKLAH BERKERJA DALAM SYARIKAT ITU DAN MEMPELAJARI CARA-CARA MENGURUSKAN PERNIAGAAN DAN BUKAN SETAKAT MENJADI AHLI PERKONGSIAN DAN TINGGAL DI RUMAH DAN MENGUTIP HASIL TIAP-TIAP BULAN ATAU PUN SETAHUN SEKALI SAHAJA, + TEGAS BELIAU.

KATANYA, AMALAN YANG LEBIH BURUK YANG DILAKUKAN OLEH SEBILANGAN KECIL BUMIPUTERA IALAH APABILA MEREKA MENDAPAT LESEN, MEREKA TERUS MENJUALKANNYA SEKALI GUS KEPADA ORANG LAIN.

PERBUATAN SEPERTI ITU HENDAKLAH DIBENTIKAN DENGAN SEGERA KERANA JIKA DITERUSKAN, IA BOLEH MENGGAGALKAN DASAR EKONOMI BARU, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR LAGI.

BELIAU SETERUSNYA MEMINTA KEDUA-DUA PIHAK SUPAYA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENGAMALKAN DASAR EKONOMI BARU IAITU KAUM BUMIPUTERA HENDAKLAH MEMPELAJARI DARIPADA RAKAN-RAKAN PERNIAGAAN MEREKA MANAKALA BUKAN BUMIPUTERA PULA HARUS MEMBERI BIMBINGAN KEPADA BUMIPUTERA YANG MENJADI RAKAN PERKONGSIAN MEREKA. -- BERNAMA 1500/LK